

# 28

## STRATEGI CPA DALAM PENGAJARAN KEFAHAMAN

Azizah Shaik Abdul Kadir  
Sekolah Rendah Chongzheng

Rasidah Ahmad  
Sekolah Rendah Unity

Nurisham Ismail  
Sekolah Rendah Jingshan

Taufek Siniwi  
Sekolah Rendah Xingnan

### Abstrak

Keterbatasan keupayaan murid menjawab soalan-soalan jenis inferens dan analisis menunjukkan bahawa murid kurang memahami kehendak soalan jenis ini. Murid tidak dapat mengenal pasti isi petikan yang perlu dicungkil dan diolah bagi memenuhi kehendak soalan. Kertas ini akan menjelaskan tentang strategi pengajaran yang digunakan bagi mengajar murid-murid Darjah 5 mengenal pasti soalan-soalan aras inferens dan analisis. Murid-murid juga diajar mengupas isi atau maklumat yang sesuai bagi menjawab soalan-soalan aras ini. Strategi **Concrete (Konkrit)**, **Pictorial (Gambar)**, **Abstract (Abstrak)** atau CPA digunakan dalam pengajaran kefahaman untuk menjelaskan konsep inferens dan analisis. *Chunking of text* atau pemenggalan teks, satu strategi yang merangsang pemahaman membaca juga dimanfaatkan dalam pembelajaran kefahaman. Dapatan kajian ini amat berguna dalam mempersiap dan memperlengkap murid-murid dengan kemahiran membaca untuk memahami sejajar dengan tuntutan peperiksaan peringkat nasional yang menekankan kemahiran kefahaman sebagai salah satu komponen dalam kertas Bahasa Melayu.

## Pengenalan

Kemahiran membaca untuk memahami merupakan satu daripada komponen penting dalam peperiksaan Bahasa Melayu. Soalan-soalan kefahaman pelbagai aras sering menjadi cabaran utama murid yang menduduki peperiksaan khususnya peperiksaan peringkat nasional. Antara jenis-jenis soalan pelbagai aras, soalan-soalan jenis inferens dan analisis selalunya mencabar keupayaan murid kerana soalan-soalan jenis ini memerlukan daya kognitif yang tinggi. Murid perlu mengenal pasti kehendak soalan. Isi atau maklumat dalam petikan tidak tertera secara harfiah. Murid perlu mengecam kesesuaian isi atau maklumat tersebut dan mengolahnya dengan menggunakan perkataan sendiri mengikut kehendak soalan. Namun, pelajar didapati sering mencungkil keseluruhan isi atau maklumat tanpanya. Hal ini sekali gus akan menjelas markah yang diperolehi oleh mereka. Untuk membantu murid mengenal pasti soalan-soalan jenis inferens dan analis, guru perlu memikirkan strategi pengajaran yang relevan, bermakna dan berkesan.

Oleh itu, melalui kajian ini pengkaji akan berkongsi mengenai strategi pengajaran yang menggunakan CPA. Memandangkan murid hari ini adalah *digital natives* atau pribumi digital, kajian ini disesuaikan dengan corak pembelajaran murid yang bersifat *visual learners* atau pelajar visual. Video merupakan bahan konkret yang digunakan untuk memperkenalkan konsep inferens dan analisis. Bagi mengukuhkan pemahaman murid tentang makna atau konsep inferens dan analisis, gambar digunakan dalam kajian ini. Ini diikuti dengan penggunaan teks yang merupakan bahan abstrak. Untuk memudahkan pemahaman murid, teks dipenggal menjadi kumpulan ayat yang ringkas bagi membolehkan murid-murid memahami jenis soalan yang hendak diketengahkan.

Dengan menggunakan strategi CPA dan pemenggalan, murid-murid dapat memahami kehendak soalan dengan mudah dan dapat mengolah isi atau maklumat daripada teks dengan menggunakan ayat sendiri dalam menjawab soalan-soalan yang dikemukakan.

## **Kajian Lepas**

Pemenggalan teks ialah satu kaedah yang membolehkan pembaca mengingati, memperoleh dan mentafsir maklumat di dalam petikan. Pemenggalan ialah satu proses yang membantu minda untuk membahagikan frasa dan ayat menjadi sesuatu yang lebih bermakna kepada pembaca. Kajian yang dijalankan oleh Gillet and Temple (1982) juga menunjukkan bahawa kaedah ini meningkatkan kefahaman membaca pelajar.

Menurut Nicola Yuill dan Jane Oakhill (1988), para pelajar yang menjalani latihan dalam kemahiran inferens menunjukkan kemajuan yang baik dalam latihan kefahaman berbanding dengan mereka yang tidak menjalani latihan tersebut. Mereka merumuskan bahawa pengajaran tentang kemahiran dalam menjawab soalan kefahaman harus diajar secara eksplisit agar kemahiran kefahaman pelajar dapat ditingkatkan.

## **Tujuan Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk:

1. menilai keberkesanan CPA dalam pengajaran kefahaman membaca; dan
2. Menilai prestasi murid-murid berbanding dengan pencapaian mereka sebelum dan sesudah kajian

## **Kaedah Kajian**

Dalam kajian ini, strategi CPA digunakan dalam pengajaran kefahaman membaca. Penggunaan bahan konkret seperti video dalam pengajaran berfungsi untuk memperkenalkan konsep inferens dan analisis. Gambar digunakan untuk mengukuhkan pemahaman murid-murid dalam mengenalpasti konsep inferens dan analisis. *Chunking of texts* atau pemenggalan teks digunakan untuk membantu murid-murid mengecam atau mengenal pasti isi atau maklumat daripada teks ringkas bagi memudahkan mereka menjawab soalan-soalan jenis inferens dan analisis.

## **Subjek Kajian**

Subjek kajian terdiri daripada murid-murid Darjah 5 tahun 2011. Mereka terdiri daripada murid-murid Bahasa Melayu standard. Jumlah murid yang terlibat dalam kajian ini ialah 74 orang. Berdasarkan keputusan peperiksaan PSLE, komponen kefahaman subjektif merupakan komponen Bahasa Melayu yang menjadi keprihatinan.

## **Instrument Kajian**

Instrumen kajian yang digunakan adalah seperti yang berikut:

- (i) Borang soal-selidik
- (ii) Praujian and Pascaujian.
- (ii) Kumpulan Perbincangan Berpusat

Dalam kajian ini, borang soal-selidik diberikan kepada semua murid yang terlibat. Borang soal selidik ini perlu dalam kajian ini untuk mengenal pasti cara murid-murid memahami teks bacaan dan pendekatan yang mereka gunakan untuk menjawab soalan kefahaman.

## **Prosedur Kajian**

Pada peringkat awal kajian, murid-murid diberikan borang soal-selidik. Borang soal-selidik ini mengandungi dua bahagian. Bahagian A mengandungi lima soalan tentang pemahaman teks dan Bahagian B mengandungi lima soalan tentang strategi yang digunakan untuk menjawab soalan. Praujian kemudian dijalankan untuk melihat korelasi antara maklum balas murid (rujuk apendiks 1) dengan pencapaian sebenar mereka dalam menjawab soalan.

Berdasarkan dapatan daripada praujian ini, lakaran pengajaran menggunakan pendekatan CPA dijalankan. Pascaujian dijalankan sekali lagi selepas selesai menjalankan sesi pemulihan untuk menentukan pencapaian murid. Kumpulan Perbincangan Berpusat (FGD) juga dijalankan untuk mendapatkan maklum balas guru-guru berkenaan dengan pelaksanaan kajian serta keberkesanan pendekatan yang digunakan agar kajian ini dapat diperhalusi.

## **Dapatan Kajian**

Dapatan daripada borang soal-selidik menunjukkan bahawa secara keseluruhan, murid-murid dapat memahami teks dengan lebih baik serta sedar akan strategi yang digunakan dalam menjawab soalan kefahaman. Namun, berdasarkan dapatan daripada praujian, kajian menunjukkan bahawa murid-murid kurang berjaya menjawab soalan-soalan inferens terutama yang memerlukan bukti dan sebab serta soalan-soalan berbentuk analisis.

## Jadual 1. Peratusan Kelulusan Berdasarkan Jenis Soalan

No. Soalan	Jenis Soalan	% kelulusan
3	Inferens (Bukti)	26.5%
4	Inferens (Sebab)	38.2%
5	Analisis	22.1%

Rajah 1 menunjukkan bahawa murid-murid didapati sama ada kurang memberikan bukti atau sebab yang diperlukan atau langsung tidak dapat memilih isi yang tepat bagi menjawab soalan-soalan jenis ini.

Berdasarkan dapatan ini, langkah-langkah pemulihan dijalankan dengan menggunakan pendekatan CPA dalam pengajaran kefahaman sebanyak 3 sesi. Selepas sesi-sesi ini, pos-ujian dijalankan untuk mengukur pencapaian murid selanjutnya. Kali ini, dapatan menunjukkan bahawa terdapat kemajuan dalam pencapaian murid terutama dalam soalan-soalan berbentuk analisis. Sila lihat Rajah 2.

## Jadual 2. Perbandingan Peratusan Kelulusan Berdasarkan Jenis Soalan

No. Soalan	Jenis Soalan	% Kelulusan	
		Praujian	Pascaujian
3	Inferens (Bukti)	26.5 %	30 %
4	Inferens (Sebab)	38.2 %	36.7 %
5	Analisis	22.1 %	66.7 %

Sesi Kumpulan Perbincangan Berpusat (Focus Group Discussion) juga diadakan pada akhir kajian bersama guru-guru yang terlibat. Perbincangan ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas daripada guru-guru yang terlibat berkenaan :

- pemahaman pakej perancangan kurikulum 10 minggu;
- Pemahaman dan penggunaan strategi-strategi yang telah dirancangkan; dan
- mutu bahan-bahan sumber.

Dapatan maklum balas daripada guru-guru yang terlibat adalah seperti yang berikut.

- Murid-murid perlukan lebih banyak masa untuk memahami satu kemahiran kefahaman (inferens) sebelum berupaya memahami kemahiran lainnya (analisis).
- Strategi CPA cukup baik. Bagi murid-murid visual, mereka dapat memahami konsep inferens dan analisis menerusi penggunaan klip-klip video.
- Pemenggalan Teks (*Chunking of Texts*) ialah satu amalan pengajaran yang baik untuk memudahkan pemahaman murid terhadap teks. Namun, murid didapati masih kurang faham akan kehendak soalan.
- Penggunaan gambar untuk memperkenalkan konsep sebab dan akibat adalah baik tetapi murid-murid mempunyai masalah mencerakin sebab dan akibat daripada gambar-gambar tersebut.

Berdasarkan dapatan-dapatan di atas, kami ingin mengesyorkan pembinaan dan penggunaan pendekatan ini

diterapkan bagi pengajaran kemahiran kefahaman dari darjah satu hingga darjah enam. Kemahiran kefahaman perlu diajarkan kepada murid-murid secara bertahap-tahap. Kemahiran-kemahiran kefahaman telah dibahagi-bahagikan sepanjang enam tahun agar guru dapat memberikan penekanan kepada kemahiran-kemahiran tertentu pada tahun-tahun tertentu seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah.

Jadual 3: Jenis-jenis Soalan dan Peringkat

PERINGKAT	JENIS-JENIS SOALAN
P1 & P2	Literal
P3 & P4	Literal Inferens
P5 & P6	Literal Inferens Analisis

## Kesimpulan

Pada keseluruhannya, kaedah pengajaran menggunakan CPA membantu dalam murid-murid dalam mengenal pasti konsep inferens dan analisis. Pemenggalan teks memudahkan murid-murid menggarap isi utama yang dikehendaki soalan di tahap inferens atau analisis. Kemajuan murid terbukti dalam keputusan pascaujian.

Pengajaran kemahiran kefahaman haruslah diajar secara bertahap-tahap yakni daripada yang mudah (pemahaman secara literal) kepada yang lebih kritikal (pemahaman secara inferens dan analitikal). Kemahiran kefahaman perlu diajarkan sejak dari peringkat darjah satu agar murid-murid lebih berupaya menjawab soalan-soalan yang lebih kompleks di

peringkat Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (PSLE) kelak. Penggunaan strategi-strategi yang disarankan (CPA dan Pemenggalan Teks) boleh digabungjalinkan untuk membantu murid-murid memahami konsep serta pemahaman teks dalam bentuk-bentuk berbeza serta dalam jumlah yang kecil sebelum diberikan teks-teks abstrak yang lebih panjang. Namun, berbanding dengan perlaksanaan kajian kami dalam masa yang singkat lagi terbatas, pengajaran secara bertahap yang dilakukan sepanjang enam tahun diharapkan dapat menyediakan murid-murid dengan kemahiran-kemahiran kefahaman yang lebih utuh khususnya apabila mereka sampai di peringkat darjah enam dan selanjutnya.

## Rujukan

Gillet, T dan Temple, C (1982). *Understanding Reading Problem*. Little Brown and Co. Boston.

Marsh, C.J. (2010). *Key Concepts for Understanding Curriculum*, Routledge. USA.

McTighe, J.,(2010). *An Introduction to Understanding by Design*. Association for Supervision and Curriculum Development. USA.

Nicola Yuill dan Jane Oakhill (1991). *Children's Problems in Text Comprehension: An Experimental Investigation*. Cambridge University Press. New York.

Past PSLE Examination Questions 2006 -2010. Educational Publishing House Pte Ltd. Singapore.

[http://www.mtace.org/pirday\\_sept2010/Intro%20to%20UBD%20Handout.pdf](http://www.mtace.org/pirday_sept2010/Intro%20to%20UBD%20Handout.pdf)

[http://xnet.rrc.mb.ca/glenh/understanding\\_by\\_design.htm](http://xnet.rrc.mb.ca/glenh/understanding_by_design.htm),  
bertarikh 16 Oct 2011 Bloom's Taxonomy.

[www.kurwongbss.eq.edu.au/thinking/Bloom/blooms.htm](http://www.kurwongbss.eq.edu.au/thinking/Bloom/blooms.htm)  
bertarikh 20 September 2011

**Apendiks****DAPATAN SOAL-SELIDIK  
KEFAHAMAN - DARJAH 5**

SS (Sangat Setuju), S (Setuju), TS (Tidak Setuju) STS Sangat Tidak Setuju), TR (Tiada Respons)

No	Soalan	SS	S	ST	STS	TR
<b>Pemahaman Teks</b>						
1	Saya dapat ingat kembali isi utama dalam petikan cerita.	52	10	5	1	
2	Saya memahami petikan yang dibaca.	19	39	9	1	
3	Saya dapat menggunakan idea / pengetahuan daripada teks dalam kehidupan seharian.	7	42	17	1	1
4	Saya dapat mempelajari sesuatu daripada teks yang dibaca.	32	32	4	0	
5	Saya dapat menilai watak / perbuatan dalam teks	23	34	4	5	2
<b>Cara Menjawab Kefahaman</b>						
6	Saya membaca semua soalan dahulu sebelum saya membaca petikan.	13	25	20	10	
7	Saya membaca petikan sekurang-kurangnya dua kali.	28	28	8	4	
8	Saya serlahkan/gariskan/bulatkan perkataan-perkataan yang penting semasa membaca petikan.	27	26	11	3	1
9	Saya menggunakan peta minda untuk memudahkan saya menyusun fakta..	5	21	35	7	
10	Saya membuat anotasi ketika membaca teks.	18	33	13	4	